



QBE PA Protector

Insurans Kemalangan Diri Untuk Anda dan Keluarga Anda



Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi QBE Insurance (Malaysia) Berhad or PID M (visit www.pidm.gov.my)

Rumusan ciri-ciri penting



Bayaran Sekaligus untuk Kematian & Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan

- Termasuk perlindungan untuk kecederaan atau kematian disebabkan tindakan keganasan.
- Menawarkan perlindungan walaupun anda bermastautin di luar negara lebih daripada 90 hari berturut-turut.
- Pembayaran untuk perbelanjaan penghantaran pulang dan pengebumian.
- Pembayaran sehingga 4x Jumlah Prinsipal Diinsuranskan (Sila rujuk Ilustrasi untuk 'Perlindungan maksimum untuk anda')



Bonus Pembaharuan

- 20% perlindungan tambahan setiap tahun sehingga 100% untuk Kematian dan Hilang Upaya Kekal.



Perlindungan Berganda

- Terima ganti rugi berganda sekiranya berlaku lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah atau kehilangan fungsi kedua-dua anggota badan akibat kemalangan.
- Terima ganti rugi berganda sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan semasa dalam perjalanan menaiki pengangkutan awam sebagai penumpang atau dalam perjalanan di luar negara.



Melindungi perbelanjaan untuk rawatan perubatan akibat kemalangan

- Termasuk kiropraktor, sinseh & rawatan tradisional.
- Pembayaran untuk pembetulan pergigian atau kosmetik yang disebabkan oleh kemalangan.
- Pembayaran untuk yuran Ambulans.



Menyediakan perlindungan untuk penyakit khusus

- Melindungi Perbelanjaan Perubatan untuk Demam Denggi, Malaria, Zika, Chikungunya & Ensefalitis Jepun.
- Terima Perbelanjaan Perkabungan sekiranya berlaku kematian disebabkan penyakit khusus.



Perlindungan terhadap kerugian akibat jenayah

- Pembayaran untuk kehilangan atau kerosakan barangan peribadi akibat kecurian ragut.
- Melindungi perbelanjaan dan ganjaran penemuan semula dalam kes penculikan.



Perlindungan untuk perbelanjaan tambahan akibat kemalangan

- Pembayaran untuk pembelian Protesis / Kerusi Roda disebabkan oleh hilang upaya kekal.
- Membayar untuk perbelanjaan yang ditanggung sendiri bagi memasuki hospital lebih daripada 14 hari berturut-turut.



Perlindungan Istimewa

- Melindungi keguguran akibat kemalangan kenderaan motor.
- Menawarkan perlindungan seluruh dunia untuk Liabiliti Diri.

Perlindungan maksimum untuk anda

QBE PA Protector menawarkan bonus pembaharuan untuk meningkatkan perlindungan sebanyak 20% setiap tahun sehingga 100% dan menawarkan ganti rugi berganda untuk kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan (Tertakluk kepada terma dan syarat - sila lihat Nota Penting di bawah).

Jadual di bawah menunjukkan perlindungan maksimum untuk anda, sekiranya anda membeli pelan dengan Jumlah Prinsipal Diinsuranskan sebanyak RM1.5 juta.

Tahun	Jumlah Prinsipal Diinsuranskan	Bonus Pembaharuan	Jumlah	Jumlah Maksimum Yang Boleh Dibayar (Dengan Ganti Rugi Berganda)
1	RM1.5 juta	0	RM1.5 juta	RM3.0 juta
2	RM1.5 juta	20% RM300K	RM1.8 juta	RM3.6 juta
3	RM1.5 juta	40% RM600K	RM2.1 juta	RM4.2 juta
4	RM1.5 juta	60% RM900K	RM2.4 juta	RM4.8 juta
5	RM1.5 juta	80% RM1.2 juta	RM2.7 juta	RM5.4 juta
6	RM1.5 juta	100% RM1.5 juta	RM3.0 juta	RM6.0 juta

NOTA PENTING:

- Bonus Pembaharuan -
 - Anda layak menerima 20% kenaikan daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan untuk setiap tahun pembaharuan sehingga 100% tanpa mengambil kira tuntutan yang dibuat untuk perbelanjaan perubatan, yuran ambulans, pembedahan pergigian atau kosmetik, manfaat penculikan, keguguran akibat kemalangan kenderaan motor, perbelanjaan sendiri, kecurian ragut, liabiliti diri, dan hilang upaya menyeluruh sementara. Sekiranya tuntutan dibuat untuk hilang upaya kekal, bonus pembaharuan akan bermula dari asal.
 - Bonus ini ditawarkan berdasarkan polisi anda yang diinsuranskan bersama kami secara berterusan.
- Ganti Rugi Berganda -
 - Dibayar untuk lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah atau kehilangan fungsi kedua-dua tangan dan kaki.
 - Dibayar sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan yang terjadi ketika menaiki pengangkutan awam berbayar dan ketika dalam perjalanan di luar negara.

Anda boleh memilih pelan anda

Jadual Manfaat (RM)	Pelan 1	Pelan 2
Jumlah Maksimum Yang Boleh Dibayar	500,000	1,000,000
1 Kematian & Hilang Upaya Kekal (Jumlah Prinsipal Diinsuranskan)	125,000	250,000
2 Bonus Pembaharuan		
3 Ganti Rugi Berganda		
4 Impoten atau Ketidaksuburan Kekal	12,500	25,000
5 Transfusi Darah	12,500	25,000
6 Perbelanjaan Perubatan	5,000	7,000
7 Yuran Ambulans	1,000	1,000
8 Perbelanjaan Perkabungan	12,500	25,000
9 Pembedahan Pembetulan Pergigian & Kosmetik	5,000	5,000
10 Perbelanjaan Pengebumian	5,000	5,000
11 Perlindungan Penculikan		
12 Keguguran Akibat Kemalangan Kenderaan Motor	1,000	1,000
13 Prostesis / Kerusi Roda	1,500	1,500
14 Perbelanjaan Sendiri	1,000	1,000
15 Perbelanjaan Penghantaran Pulang	20,000	20,000
16 Kecurian Ragut	300	300
17 Liabiliti Diri	150,000	150,000
18 Keganasan	Cover	Cover

MANFAAT MINGGUAN PILIHAN

Hilang Upaya Menyeluruh Sementara - Kelas 1 dan 2	100.00	150.00
Hilang Upaya Separa Sementara - Kelas 1 dan 2	50.00	75.00
Hilang Upaya Menyeluruh Sementara - Kelas 3	50.00	75.00
Hilang Upaya Separa Sementara - Kelas 3	25.00	38.00

Premium Tahunan (RM) tidak termasuk RM10 Duti Setem dan *Cukai Perkhidmatan

Premium Tahunan tanpa Manfaat Mingguan	- Kelas 1 dan 2	215.09	375.47
	- Kelas 3		
Premium Tahunan dengan Manfaat Mingguan	- Kelas 1 dan 2	265.09	450.47
	- Kelas 3	258.09	437.47

Nota :

- Diskaun Keluarga sebanyak 5% ditawarkan untuk polisi termasuk suami/isteri dan/atau anak-anak.
- Sila rujuk Keterangan Manfaat untuk maklumat lanjut.

KLASIFIKASI PEKERJAAN UNTUK ORANG YANG DIINSURANSKAN DAN SUAMI/ISTERI:

- Kelas 1:** Pekerjaan melibatkan kerja di dalam bangunan, bukan kerja buruh, kerja pentadbiran atau perkeranian yang terutamanya melibatkan kerja pejabat - Hanya di dalam pejabat atau tempat seakannya yang tidak berbahaya.
- Kelas 2:** Pekerjaan melibatkan kerja penyeliaan atau kerja di luar pejabat sama ada untuk tujuan perniagaan atau kerja di tapak, tetapi tidak terlibat dengan kerja buruh.
- Kelas 3:** Pekerjaan yang tidak semestinya tetapi kadang-kadang atau kerap melibatkan kerja buruh yang tidak berbahaya secara khususnya tetapi melibatkan penggunaan peralatan atau mesin (tidak termasuk mesin kerja kayu)

* QBE Insurance (Malaysia) Berhad memelihara hak untuk menyesuaikan kadar cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas premium polisi mengikut sebarang perubahan kepada undang-undang dan garis panduan cukai perkhidmatan. Sebarang modifikasi akan dilaksanakan mengikut perubahan rangka kerja undang-undang yang sedia ada dari semasa ke semasa.

Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8
1,500,000	2,000,000	3,000,000	4,000,000	5,000,000	6,000,000
375,000	500,000	750,000	1,000,000	1,250,000	1,500,000
20% setiap tahun sehingga 100%					
2x Manfaat (1 dan 2)					
37,500	50,000	75,000	100,000	125,000	150,000
37,500	50,000	75,000	100,000	125,000	150,000
8,000	9,000	10,000	10,000	12,000	12,000
1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
37,500	50,000	75,000	100,000	125,000	150,000
5,000	5,000	10,000	10,000	10,000	10,000
5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000
5,000 untuk Perbelanjaan ; 25,000 untuk Ganjaran					
1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	1,500
1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000
300	300	300	300	300	300
150,000	150,000	150,000	300,000	300,000	300,000
Cover	Cover	Cover	Cover	Cover	Cover
200.00	250.00	300.00	400.00	550.00	600.00
100.00	125.00	150.00	200.00	275.00	300.00
100.00	Tiada				
50.00	Tiada				
516.98	733.96	1,120.75	1,347.17	1,677.36	1,998.11
	Tiada				
606.98	893.96	1,300.75	1,557.17	1,957.36	2,318.11
589.98	Tiada				

PEKERJAAN YANG DIKECUALIKAN:

Sebarang pekerjaan berisiko tinggi termasuk yang melibatkan pembalakan dan kerja kayu, menawarkan perkhidmatan keselamatan, perobohan, mengendalikan bahan kimia atau letupan, mengendali haiwan, melombong atau penerowongan bawah tanah, pelantar minyak, kenderaan perdagangan (termasuk jentera berat), semua pekerjaan yang berkaitan dengan penerbangan, penghantar surat (despatch) atau pemanduan ambulans, bomba, polis/askar/tentera dan pegawai penguatkuasaan undang-undang, pemungkah kargo, tukang menara, penyelam dan ahli sukan profesional dan penghibur.

Senarai di atas hanyalah sebagai rujukan dan tidak menyeluruh. Sila rujuk dengan kakitangan QBE untuk sebarang penjelasan.

Butiran manfaat

1. Kematian & hilang upaya kekal

Melindungi kematian dan/atau hilang upaya kekal akibat kemalangan yang berlaku dalam tempoh 24 jam, di mana-mana sahaja di dalam dunia.

2. Bonus pembaharuan

Perlindungan ini akan dinaikkan sebanyak 20% setiap tahun sehingga 100% daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan tanpa mengambil kira tuntutan yang dibuat untuk perbelanjaan perubatan, yuran ambulans, pembedahan pergigian atau kosmetik, manfaat penculikan, keguguran akibat kemalangan kenderaan motor, perbelanjaan sendiri, kecurian ragut, liabiliti diri, dan hilang upaya menyeluruh/separa sementara. Sekiranya tuntutan dibuat untuk hilang upaya kekal, bonus pembaharuan akan bermula dari asal.

3. Ganti rugi berganda

Membayar dua kali ganda Jumlah Prinsipal Diinsuranskan (termasuk bonus pembaharuan) sekiranya anda mengalami kehilangan fungsi dua anggota badan atau lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah ATAU kematian akibat kemalangan apabila menaiki pengangkutan awam sebagai penumpang berbayar atau ketika dalam perjalanan di luar negara.

4. Impotensi atau ketidaksuburan kekal akibat kemalangan

Membayar jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk impotensi atau ketidaksuburan kekal yang disebabkan oleh kemalangan.

5. Transfusi darah

Membayar jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya anda dijangkiti Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) akibat transfusi darah semasa menerima rawatan perubatan untuk kecederaan atau penyakit di hospital berlesen dalam Malaysia.

6. Perbelanjaan perubatan

Pembayaran balik sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk perbelanjaan yang ditanggung bagi perbelanjaan perubatan akibat kemalangan atau penyakit yang disebabkan oleh Denggi, Malaria, JE, Chikungunya atau Zika. Ini termasuk rawatan oleh kiropraktor atau sinseh Cina atau rawatan tradisional untuk kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan sehingga RM500.00 setiap kemalangan.

7. Yuran ambulans

Pembayaran balik sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk yuran ambulans.

8. Perbelanjaan perkabungan

Membayar jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya berlaku kematian akibat Denggi, Malaria, JE, Chikungunya atau Zika.

9. Pembedahan pembedulan pergigian atau kosmetik

Pembayaran balik sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat selain perbelanjaan perubatan untuk kos pembedahan pembedulan pergigian dan/atau pembedulan kosmetik akibat kemalangan.

10. Perbelanjaan pengebumian

Membayar jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan.

11. Perlindungan penculikan

Membayar jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk perbelanjaan yang diperlukan bagi menemui semula Orang Yang Diinsuranskan dan menawarkan ganjaran untuk maklumat yang membawa kepada penemuan Orang Yang Diinsuranskan dengan syarat adanya pengesahan oleh pihak polis bahawa wang tebusan telah dituntut.

12. Keguguran Akibat Kemalangan Kenderaan Motor

Membayar jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami keguguran akibat kemalangan kenderaan motor.

13. Prostesis/kerusi roda

Pembayaran balik sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk pembelian kerusi roda atau prostesis sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami hilang upaya kekal.

14. Perbelanjaan sendiri

Pembayaran balik sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke dalam hospital lebih daripada 14 hari berturut-turut.

15. Perbelanjaan penghantaran pulang

Pembayaran balik sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk perbelanjaan penghantaran pulang yang ditanggung bagi menghantar jenazah Orang Yang Diinsuranskan ke negara kediamannya sekiranya berlaku kemalangan.

16. Kecurian ragut

Pembayaran balik sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk setiap kejadian yang melibatkan kerugian terhadap barangan peribadi Orang Yang Diinsuranskan akibat kecurian ragut. Laporan polis mesti dibuat dalam tempoh 24 jam dari kejadian.

17. Liabiliti diri

Tertakluk kepada had liabiliti, Syarikat akan mengganti rugi Orang Yang Diinsuranskan untuk semua jumlah berkenaan yang perlu dibayarnya dari segi undang-undang kepada pihak ketiga berkaitan dengan kecederaan anggota badan akibat kemalangan atau kerosakan harta akibat kemalangan.

18. Tindakan Keganasan

19. Manfaat Mingguan Pilihan

Pembayaran sehingga had mingguan yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat sehingga 52 minggu, sekiranya berlaku kemalangan yang menyebabkan hilang upaya menyeluruh/separa sementara.

Soalan lazim

1. Siapa yang layak?

Semua warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia, pemilik permit kerja, pemilik pas atau orang yang bekerja secara sah di Malaysia dan suami/isteri/anak-anak yang tinggal secara sah di Malaysia. Orang Yang Diinsuranskan adalah di antara usia tiga puluh (30) hari dan enam puluh lima (65) tahun pada tarikh kemasukan dan boleh diperbaharui sehingga usia tujuh puluh lima (75) tahun.

2. Apakah maksud Jumlah Prinsipal Diinsuranskan?

Jumlah Prinsipal Diinsuranskan bermaksud Jumlah Yang Diinsuranskan untuk kematian & hilang upaya akibat kemalangan pada permulaannya seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat, tidak termasuk bonus pembaharuan.

3. Sekiranya saya memiliki polisi kemalangan diri yang lain, adakah saya layak menerima manfaat yang serupa sekiranya berlaku kemalangan?

Ya, anda akan dibayar secara tambahan daripada polisi kemalangan diri anda yang lain sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan.

4. Bilakah perlindungan saya akan berkuat kuasa?

Perlindungan anda akan berkuat kuasa selepas penerimaan premium dan kelulusan oleh Syarikat Insurans.

5. Boleh saya mengubah pelan saya pada pertengahan tempoh insurans atau ketika pembaharuan?

Anda boleh menaikkan atau menurunkan tahap pelan anda pada pembaharuan yang berikutnya.

6. Bagaimana caranya untuk saya memohon polisi?

Hanya isi borang cadangan dan serahkan kepada kami atau ejen QBE Insurance.

NOTA PENTING

- Anda berhak membeli perlindungan hanya untuk satu Pelan Pilihan Insurans QBE PA Protector ini.
- Risalah ini bukanlah kontrak insurans. Terma dan syarat khusus dinyatakan di dalam polisi insurans.
- Anda boleh meminta untuk melihat polisi insurans yang sebenar sebelum anda mendaftar. Sila hubungi Ejen QBE Insurance atau Khidmat Pelanggan untuk bantuan.
- Sekiranya berlaku pertikaian di antara risalah versi Bahasa Inggeris dan versi yang diterjemah, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.
- Klausula "Pembaharuan Automatik" telah dimasukkan ke dalam Polisi ini, ertinya polisi ini akan diperbaharui secara automatik setiap tahun, melainkan anda memilih untuk 'Tidak Menyertai' seperti yang tertera di dalam borang cadangan.

PENGECUALIAN AM

- Risiko perang, reaksi nuklear, radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif
- Aktiviti sukan profesional
- Sukan berbahaya
- Penerbangan atau aktiviti udara kecuali sebagai penumpang dalam pesawat berkuasa yang berlesen
- Perbuatan jenayah dan menyalahi undang-undang
- Kecederaan terhadap diri sendiri yang disengajakan atau bunuh diri
- Melahirkan anak atau kehamilan
- Berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah kecuali diambil mengikut nasihat perubatan yang sewajarnya
- Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS)
- Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV)
- Penyakit sedia ada
- Pembunuhan atau serangan yang diprovokasi
- Undang-undang pampasan pekerja

MAKLUMAT CAWANGAN

Kuala Lumpur

Lot 19-02, Letter Box 6, Level 19, Menara Hap Seng 2,
Plaza Hap Seng, No.1, Jalan P Ramlee,
50250 Kuala Lumpur.

Tel: +(60) (3) 2024 8000 Faks: +(60) (3) 2024 8030

Pulau Pinang

No.11 Karpal Singh Drive,
Lebuh Sungai Pinang 5, 11600 Pinang.

Tel: +(60) (4) 2818688 Faks: +(60) (4) 283 8388

Ipoh

40-42B, Persiaran Greenhill, 30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: +(60) (5) 2416633 Faks: +(60) (5) 241 6363

Klang

Unit No. 9-3, Port Tech Tower, Jalan Tiara 3,
KU/1, Bandar Baru Klang, 41150 Klang,
Selangor Darul Ehsan.

Tel: +(60) (3) 3002 5242 Faks: +(60) (3) 3002 5243

Melaka

No.93-1, Jalan KL 3/8, Taman Kata Laksamana,
Seksyen 3, 75200 Melaka.

Tel: +(60) (6) 288 2692 Faks: +(60) (6) 288 2695

Johor Bahru

D-1-6, Block D, Pusat Komersial Bayu Tasik,
Persiaran Southkey 1, Kota Southkey,
80150 Johor Bahru, Johor Darul Takzim.

Tel : +(60) (7) 336 5300 Faks : +(60) (7) 336 5301

Kuching

Lots C256-C259, Block C.
iCom Square, Jalan Pending,
93450 Kuching, Sarawak.

Tel: +(60) (82) 552 118 Faks: +(60) (82) 552 168

Kota Kinabalu

Block L, Lot 72-2, 2nd Floor, KK Times Square,
Off Coastal Highway, 88100 Kota Kinabalu,
Sabah.

Tel: +(60) (88) 486 686 Faks: +(60) (88) 486 486

Sandakan

1st Floor, Lot 8, Block B, Bandar Pasaraya,
Mile 4, North Road, 90000 Sandakan, Sabah.

Tel: +(60) (89) 218 896 Faks: +(60) (89) 273 607



QBE Insurance (Malaysia) Berhad

(Licensed under Financial Service Act 2013, regulated by Bank Negara Malaysia)

Registration No.: 198701002415(161086-D)

SST No.: B16-1808-31042744

No. 638, Level 6, Block B1, Leisure Commerce Square,

No. 9, Jalan PJS 8/9, 46150 Petaling Jaya,

Postal Address P.O. Box 10637, 50720 Kuala Lumpur, Malaysia.

Phone: 03-7861 8400

Faks: 03-7973 7430

www.qbe.com/my

Email: info.mal@qbe.com

PANPAE004-B-0325 (BM)